

MSM CATAT RM35 JUTA PBT PADA S2 2026 DI SEBALIK PENURUNAN HASIL

Margin yang bertambah baik dan perbelanjaan operasi yang lebih rendah menyokong keuntungan, manakala harga jualan dan jumlah jualan yang lebih rendah menjejaskan hasil.

KUALA LUMPUR, OGOS 24, 2026 – MSM Malaysia Holdings Berhad (“MSM” or “Kumpulan”), pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia berjenama “Gula Prai”, kembali mencatat keuntungan pada suku kedua berakhir 30 Jun 2026 (S2 2026), dengan merekodkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM35 juta berbanding kerugian sebelum cukai (LBT) sebanyak RM23 juta pada suku yang sama tahun sebelumnya. Hasil bagi S2 2026 menurun kepada RM608 juta daripada RM813 juta pada S2 2025, terutamanya disebabkan oleh harga jualan purata dan jumlah jualan yang lebih rendah. Kumpulan turut mencatatkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM23 juta berbanding kerugian selepas cukai (LAT) sebanyak RM30 juta pada S2 2025.

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2026 (1H 2026), Kumpulan mencatatkan PBT sebanyak RM23 juta, berbanding LBT sebanyak RM15 juta pada 1H 2025. Kumpulan turut merekodkan PAT sebanyak RM5 juta berbanding LAT sebanyak RM26 juta pada 1H 2025. Prestasi yang bertambah baik ini didorong terutamanya oleh peningkatan margin serta pengurangan perbelanjaan operasi lain.

Jumlah hasil Kumpulan bagi 1H 2026 adalah sebanyak RM1.16 bilion berbanding RM1.56 bilion bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh purata harga jualan (ASP) dan jumlah jualan yang lebih rendah. Walaupun hasil menurun, margin keuntungan kasar bertambah baik tahun ke tahun, disokong oleh gabungan jualan yang lebih menguntungkan dengan memberi tumpuan kepada produk bermargin lebih tinggi, sekali gus membantu mengurangkan kesan daripada ASP yang lebih rendah.

Dari segi operasi, MSM terus melaksanakan pendekatan pengeluaran mengikut permintaan dengan menyelaraskan pengeluaran berdasarkan permintaan pasaran serta pertimbangan margin. Sehubungan itu, faktor penggunaan kapasiti Kumpulan berada pada 39% bagi 1H 2026 berbanding 48% bagi 1H 2025. Kumpulan turut mendapat manfaat daripada harga gula

mentah yang lebih rendah, pergerakan kadar pertukaran asing yang menggalakkan serta kos pengangkutan yang lebih rendah.

Mengulas mengenai prestasi Kumpulan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dr. Aini Shahar, berkata, “Walaupun kembali mencatat keuntungan pada S2 2026 merupakan satu perkembangan yang positif, hasil dan kadar penggunaan kapasiti masih berada di bawah paras tempoh yang sama tahun sebelumnya, manakala persekitaran operasi terus mencabar. Kami telah memberi keutamaan kepada jualan bermargin lebih tinggi, menyelaraskan pengeluaran dengan permintaan serta mengekalkan disiplin kos yang ketat. Fokus utama kami dalam masa terdekat adalah untuk melindungi margin dan mengekalkan keuntungan.”

“Kami akan terus memberi keutamaan kepada produk bermargin lebih tinggi dalam pasaran domestik, di samping mengoptimumkan gabungan produk dan strategi jualan. Usaha mengekalkan keuntungan bergantung kepada disiplin yang berterusan serta keupayaan kami untuk bertindak balas terhadap tekanan pasaran dan kos,” tambah Dr. Aini.

Melangkah ke hadapan, industri gula dijangka terus berdepan cabaran bagi baki tahun 2026, dengan tekanan kos yang berterusan serta persaingan daripada gula import dalam pasaran domestik yang memberi tekanan kepada margin.

MSM akan terus bekerjasama dengan Kerajaan dalam memuktamadkan rangka kerja penetapan harga yang mampan bagi memastikan keselamatan makanan negara terus terpelihara, di samping menyokong kelangsungan industri gula domestik dalam jangka panjang.

Dalam menghadapi keadaan ini, MSM akan terus memberi tumpuan kepada perlindungan margin, disiplin kos dan kecekapan operasi.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama “Gula Prai”. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2025, MSM mengeluarkan sebanyak 1,028,283 MT gula bertapis, di mana 216,038 MT adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 28 Jun 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM654 juta pada 31 Disember 2025. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama “Gula Prai”. MSM juga turut menjual ‘molasses’ sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti “percaya”, “menganggarkan”, “mengharapkan”, “menjangka”, “berhasrat”, “mungkin”, “akan”, “merancang”, “prospek” dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com